

KEBOLEHPASARAN SISWAZAH PASCA-COVID-19 DI MALAYSIA

Oleh: Zaherawati Zakaria

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2018, sebanyak 21 buah institut pengajian tinggi awam dan 38 buah institut pengajian tinggi swasta di Malaysia menghasilkan kira-kira 51 000 siswazah setahun, tetapi hampir 60% kekal menganggur setahun selepas tamat pengajian. Tambahan pula, berdasarkan statistik yang dilaporkan di Parlimen pada 2016 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Terdapat lebih 5000 orang pelajar lepasan ijazah yang menduduki program kedoktoran setiap tahun, satu trend yang akan menjadikan jumlah pemegang PhD di negara ini meningkat kepada 60 000 orang menjelang tahun 2023.

Beberapa tahun kebelakangan ini, tidak ada jaminan bagi seseorang siswazah itu untuk memperoleh pekerjaan. Memandangkan bilangan siswazah terus meningkat, seseorang siswazah terpaksa menghadapi tempoh menunggu

yang sangat lama untuk bekerja di tengah-tengah ekonomi yang pesat.

Universiti dan kebanyakan institusi pendidikan kini menyediakan siswazah dengan kelayakan akademik dan profesional dalam persekitaran

yang lebih stabil dan boleh diramalkan. Majikan pula memerlukan pekerja yang boleh bekerja dan menyelesaikan masalah dengan cepat, berfikiran kritis serta mempunyai kemahiran tinggi.

Keadaan ini menyukarkan peluang siswazah untuk mengisi peluang pekerjaan pada masa ini. Hal ini demikian kerana kualiti siswazah pada masa ini tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh majikan. Keadaan ini menyebabkan kadar pengangguran semakin meningkat.

Masalah meruncing apabila bilangan pencari kerja adalah lebih tinggi daripada kekosongan kerja yang ditawarkan. Oleh itu, para siswazah perlu melihat kepentingan kemahiran keusahawanan. Hal ini demikian kerana keusahawanan membuka laluan untuk kemajuan kerjaya.

Para siswazah perlu menjadikan diri mereka berupaya memenuhi keperluan pasaran. Mereka juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang tidak terhad kepada bidang pengajian mereka. Tiada penyelesaian yang mudah untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah.

Isu ini menjadi lebih rumit kerana pihak berkepentingan mempunyai pandangan yang berbeza tentang pengangguran. Pada masa ini, majikan kerap mengeluh dan menyatakan bahawa siswazah baharu tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan. Tambahan pula, banyak siswazah yang meletakkan jangkaan gaji yang tidak realistik walaupun mereka bergelut dengan proses asas temu duga.

Menurut Jabatan Statistik Malaysia (2021), bilangan siswazah di Malaysia pada tahun 2020 adalah

Para siswazah perlu menjadikan diri mereka berupaya memenuhi keperluan pasaran. Mereka juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang tidak terhad kepada bidang pengajian mereka. Tiada penyelesaian yang mudah untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah.

sebanyak 5.36 juta orang. Jumlah ini meningkat sebanyak 4.4% berbanding dengan tahun 2019 yang melibatkan 5.13 juta orang. Bilangan siswazah dalam tenaga buruh merangkumi pekerja dan penganggur, meningkat sebanyak 6.3%, yang melibatkan 4.56 juta orang berbanding dengan tahun 2019 yang melibatkan 4.29 juta orang.

Pada masa yang sama, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah meningkat 1.5 mata peratusan kepada 85.0% berbanding dengan 83.5% pada tahun 2019. Bilangan siswazah yang bekerja ialah 4.35 juta orang, meningkat sebanyak 5.6% daripada 4.12 juta orang pada tahun 2019.

Sementara itu, kadar pengangguran siswazah melonjak kepada 4.4% dengan bilangan siswazah yang menganggur adalah sebanyak 202 400 orang berbanding dengan tahun 2019 yang hanya berjumlah 165 200 orang. Dalam tempoh yang sama, bilangan siswazah di luar tenaga buruh menurun sebanyak 5.1%, mencatatkan sebanyak 800 900 orang berbanding dengan 844 000 orang pada tahun 2019.

Dari perspektif pekerjaan, 68.8% atau tiga juta siswazah bekerja adalah dalam kategori mahir dengan 40.8% daripada mereka pekerja profesional (1.78 juta orang), diikuti oleh juruteknik dan teknikal pada 17.2% (749 500 orang).

Sebanyak 31.2% siswazah bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan mahir rendah.

Kumpulan siswazah ini boleh diklasifikasikan sebagai tidak sepadan dalam pekerjaan. Hal ini demikian kerana mereka tidak menggunakan sepenuhnya pendidikan dan kemahiran mereka.



Siswazah yang bekerja dalam kategori separuh mahir menyumbang sebanyak 28.9% atau 1.26 juta orang, dan sebahagian besarnya merupakan pekerja perkhidmatan dan jualan (11.9%), diikuti oleh pekerja sokongan perkeranian (9.6%), dan pekerja kraf dan perdagangan yang berkaitan (3.4%).

Baki 2.3% peratus siswazah bekerja dalam kategori berkemahiran rendah, iaitu sebanyak 98 100 orang. Selain petunjuk pengangguran untuk menggambarkan ketidakcekapan pasaran buruh, petunjuk tentang *underemployed* digunakan untuk mengenal pasti buruh yang kurang digunakan dari aspek masa dan kemahiran.

Siswazah yang berada dalam kategori tidak digunakan sepenuhnya (*underemployed*) ini bekerja kurang daripada 30 jam seminggu mampu dan sanggup bekerja lebih masa, meningkat

Menurut Jabatan Statistik Malaysia (2019), kebolehpasaran siswazah berasaskan akademik hanya boleh mengisi pasaran sebanyak 30% sahaja, manakala 70% lagi selalunya akan diisi oleh pekerja berkemahiran dan separa mahir.

pada tahun 2020 ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020. Bilangan siswazah dalam kategori ini adalah sebanyak 83 800 orang dengan kadar 1.9% berbanding dengan tahun 2019 yang hanya berjumlah 35 600 orang.

Rencana ini cuba menyelami situasi pengangguran yang berkait rapat dengan isu kebolehpasaran siswazah di Malaysia yang berkaitan dengan akademik dan kemahiran seperti yang ditunjukkan oleh siswazah yang bekerja dalam kategori separuh mahir dan kategori berkemahiran rendah.

Menurut Jabatan Statistik Malaysia (2019), kebolehpasaran siswazah berasaskan akademik hanya boleh mengisi pasaran sebanyak 30% sahaja, manakala 70% lagi selalunya akan diisi oleh pekerja berkemahiran dan separa mahir. Data tersebut menunjukkan keperluan industri dan pasaran Malaysia



tidak seiring dengan program akademik yang ditawarkan oleh pihak universiti.

Isu lambakan siswazah dalam pasaran yang menyumbang kepada pengangguran yang berkaitan dengan kemahiran boleh diklasifikasikan sebagai isu struktur pasaran buruh. Hal ini demikian kerana bilangan siswazah yang bekerja dalam kategori ini adalah tinggi walaupun sebelum pandemik COVID-19.

Pada tahun 2020, dunia telah dilanda pandemik COVID-19 yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Pandemik COVID-19 menyebabkan kemelesetan ekonomi terburuk di Malaysia sejak kemelesetan ekonomi terakhir pada tahun 1998. Pandemik COVID-19 mengubah hampir setiap aspek kehidupan, ekonomi dan negara kita menjadi kemelut.

Pandemik COVID-19 menyebabkan kesan negatif terhadap ekonomi di kebanyakan negara. Pelaksanaan PKP untuk membendung penularan wabak COVID-19 menyebabkan peningkatan jumlah kehilangan pekerjaan, dan meningkatkan jumlah pengangguran negara sebanyak 200 ribu mencatatkan 718 100 orang pada 2020.

Peserta baharu ke pasaran buruh, terutamanya siswazah baharu tidak terkecuali terjejas oleh pandemik itu. Persaingan mendapatkan pekerjaan dalam kalangan siswazah semakin mencabar dengan kehadiran lebih banyak penganggur yang kehilangan pekerjaan semasa pandemik.

Menurut Jabatan Statistik (2020), siswazah baharu juga terjejas teruk oleh wabak itu memandangkan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan semakin sengit berbanding dengan sebelumnya, dan



Peserta baharu ke pasaran buruh, terutamanya siswazah baharu tidak terkecuali terjejas oleh pandemik itu. Persaingan mendapatkan pekerjaan dalam kalangan siswazah semakin mencabar dengan kehadiran lebih banyak penganggur yang kehilangan pekerjaan semasa pandemik.

terdapat banyak penganggur yang meninjau pasaran pekerjaan. Walaupun bilangan siswazah meningkat sebanyak 4.4% daripada 5.13 juta orang siswazah pada tahun 2019 kepada 5.36 juta orang siswazah pada tahun 2020, tetapi jumlah siswazah yang menganggur juga meningkat sebanyak 22.5%. Keadaan tersebut disebabkan oleh kadar kebolehpasaran yang semakin rendah ketika pandemik berlaku.

Berdasarkan laporan BERNAMA, terdapat 165 200 orang siswazah yang menganggur pada tahun 2019. Manakala, pada tahun 2020, terdapat 202 400 orang siswazah yang menganggur. Keadaan tersebut disebabkan oleh persekitaran ekonomi yang tidak menggalakkan dan memberikan kesan besar kepada pasaran pekerjaan secara keseluruhan, termasuklah kebolehpasaran dalam kalangan siswazah.

Dari aspek tempoh pengangguran, lebih daripada 70% siswazah aktif menganggur. Pengangguran melibatkan 158 400 orang. Daripada jumlah ini, tempoh siswazah yang menganggur adalah kurang daripada tiga bulan. Jumlah ini mencatatkan angka tertinggi, iaitu sebanyak 45.1% (71 400 orang).

Sementara itu, sebanyak 30.1% (47 600 orang) dan 14.8% (23 500 orang) siswazah menganggur antara tiga bulan hingga lima bulan, dan antara enam bulan hingga 12 bulan.

Siswazah yang menganggur dalam jangka panjang atau lebih daripada setahun merangkumi 10.1% atau 16 000 orang. Daripada jumlah keseluruhan siswazah yang menganggur, siswazah yang menganggur (tidak aktif) yang tidak mencari pekerjaan menyumbang sebanyak 21.7% atau 44 000 orang pada tahun 2020.

Data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa pengangguran, terutamanya dalam kalangan siswazah meningkat sebanyak 0.4% peratus pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019. Penutupan sektor ekonomi pada kapasiti penuh kerana pandemik COVID-19 menyebabkan sektor tenaga kerja menguncup.

Penutupan sektor ekonomi mencabar siswazah untuk mencari pekerjaan kerana

syarikat mula membekukan pekerjaan, mengecilkan saiz perniagaan mereka, malah ada yang terpaksa ditutup kerana pandemik. Hal ini semakin mencabar bagi mereka yang baru menamatkan pengajian, apatah lagi mereka belum mempunyai pengalaman kerja.

Kadar kebolehpasaran siswazah pada tahun 2020 menurun sebanyak 1.8% kepada 84.4% berbanding dengan 86.2% pada tahun 2019. Peratusan tersebut mengukur keupayaan siswazah baharu untuk mendapatkan pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian atau mendaftar kursus untuk meningkatkan kemahiran diri. Semakin tinggi kadar, semakin tinggi peluang siswazah pada

tahun tersebut untuk mendapatkan pekerjaan atau melanjutkan pelajaran.


Bagi mengurangkan kesan pandemik COVID-19, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PENJANA) yang berjumlah RM35 bilion. Kebolehpasaran siswazah dikaitkan dengan prestasi ekonomi dan pasaran kerja yang secara langsung memberikan kesan kepada siswazah.

Kedua-dua program adalah di bawah PENJANA melalui Peningkatan Kerjaya dan Pensijilan Profesional berdasarkan latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah. Matlamat utama Program Kemajuan Kerjaya ialah padanan dan penempatan pekerjaan, program keusahawanan dan ekonomi gig (latihan untuk membantu peserta menjanakan pendapatan melalui ekonomi gig atau bebas (*freelance*)).

PENJANA menyasarkan siswazah IPTA dan IPTS dari tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih menganggur. Program ini menjanjikan penempatan pekerjaan kepada para siswazah sebaik sahaja mereka menamatkan latihan. Pada masa yang sama mereka perlu memenuhi kriteria yang diperlukan.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menjalankan program intervensi untuk kebolehpasaran siswazah. Program ini tertumpu kepada mahasiswa IPTA dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) yang lebih rendah dan direka untuk memberikan kemahiran tambahan kepada mereka.

Mereka juga akan ditawarkan pekerjaan oleh pelbagai industri apabila tamat dengan syarat memenuhi kriteria. KPT juga melaksanakan program keusahawanan untuk menggalakkan pelajar mencuba



*Sementara itu,
sebanyak 30.1%
(47 600 orang) dan
14.8% (23 500 orang)
siswazah menganggur
antara tiga bulan
hingga lima bulan,
dan antara enam
bulan hingga
12 bulan.*

pelbagai bidang yang menjadi kehendak pasaran dan pemain industri. Berdasarkan laporan, terdapat lebih daripada 68 000 orang pelajar institusi pengajian tinggi yang berniaga sambil ketika masih belajar, dan hampir 8000 orang pelajar yang meneruskan perniagaan selepas tamat pengajian.

KPT juga dilihat mengambil langkah tepat dengan mengundang para pemain industri menjalinkan kerjasama dengan para ahli akademik untuk turut terlibat dalam pembangunan modul dan penambahbaikan kurikulum yang mempunyai persekitaran yang lebih diperlukan oleh industri daripada mahasiswa.

Inisiatif PENJANA yang lain ialah Program Subsidi Upah yang menggalakkan pengekalan pekerja dan mengurangkan pemberhentian; Bantuan Pengambilan dan Latihan untuk Perniagaan untuk menggalakkan pengambilan pekerja dengan menyediakan insentif kewangan kepada majikan, dan Program Kemahiran Semula dan Peningkatan Kemahiran yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan belia dan penganggur.

Pelbagai sumber data digunakan dalam penyusunan statistik, iaitu Kajian Tenaga Buruh, Statistik Pengajian Tinggi, Kajian Pengesanan Siswazah, Kajian Pengesanan Siswazah TVET dan Kajian Gaji dan Upah. Bermula tahun 2020, KPT menganggarkan

sebanyak 75 000 orang siswazah baharu atau 25% daripada jumlah keseluruhan siswazah tahunan layak menerima bantuan untuk meningkatkan peluang kebolehpasaran mereka.


Usaha ini dilihat penting untuk dilaksanakan, terutamanya dalam keadaan pasaran kerja yang sangat kompetitif dan kompleks. Selain kelayakan akademik, siswazah juga perlu menguasai dimensi kemahiran kebolehpasaran siswazah.

Melalui pendekatan kerajaan ini, diharapkan para siswazah lebih bersedia untuk memasuki alam pekerjaan pada masa depan dalam bidang masing-masing. Siswazah juga diharapkan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja dalam industri, bukan sahaja di dalam negara, tetapi juga pada peringkat global.

PENJANA dibangunkan sebagai program sehati untuk membantu siswazah dan bakal siswazah mengakses maklumat mengenai latihan pembangunan kerjaya dan ketersediaan pekerjaan. Program ini menjadi penanda aras baharu bagi usaha KPT dalam menangani keperluan untuk meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan mahasiswa, bakal siswazah dan siswazah.

Siswazah juga diharapkan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja dalam industri, bukan hanya pada peringkat tempatan, bahkan pada peringkat global. Bagi siswazah yang masih belum bekerja, peluang untuk mengikuti program peningkatan kemahiran yang ditawarkan oleh pelbagai agensi kerajaan untuk meningkatkan kompetensi diri sentiasa terbuka luas. Peluang ini wajar direbut seiring dengan teknologi digital yang boleh menjadi *wow factor* kepada siswazah.

Melalui pendekatan kerajaan ini, diharapkan para siswazah lebih bersedia untuk memasuki alam pekerjaan pada masa depan dalam bidang masing-masing. Siswazah juga diharapkan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja dalam industri, bukan sahaja di dalam negara, tetapi juga pada peringkat global.

Perkara ini tidak mustahil untuk dicapai walaupun pasca-COVID-19 masih tidak menunjukkan perubahan besar kepada ekonomi dan sosial negara. Malaysia mampu melahirkan bakat yang berkualiti dan berpotensi tinggi dengan bimbingan yang diberi melalui Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan yang dibangunkan dengan kerjasama semua pihak. 

Profesor Madya Dr. Zaherawati Zakaria ialah pensyarah di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah.

